

11 NOV 1997

46 BAYI DIJANGKITI KUMAN HIV SEJAK 1986

PETALING JAYA, 11 Nov (Bernama) -- Sebanyak 46 bayi dijangkiti virus HIV yang membawa penyakit AIDS sejak virus itu dikesan buat pertama kali di negara ini pada 1986, kata Datin Paduka Marina Mahathir hari ini.

Marina yang merupakan Presiden Majlis Aids Malaysia berkata, Kementerian berkaitan seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan tidak mempunyai kakitangan yang dilatih dengan cukup untuk menangani kes-kes AIDS.

"Kementerian-kementerian berkenaan juga belum bersedia berdepan dengan implikasi yang lebih besar berhubung Aids dan bagaimana mereka harus memberi respon kepada wabak yang serius itu," kata beliau kepada pemberita di Bengkel Media Ketiga Mengenai HIV/AIDS 97 di sini, hari ini.

Marina juga menyeru Kementerian Pendidikan supaya menghantar pekeliling kepada 8,000 sekolah di seluruh negara untuk memperkenalkan Hari Aids Sedunia dan mewujudkan kesedaran di kalangan penuntut mengenai Aids.

Dan sempena Hari Aids Sedunia pada 1 Dis ini yang bertema Kanak-kanak Dalam Dunia Aids, beberapa acara diatur untuk menyambutnya antaranya pelancaran buku cerita kanak-kanak mengenai HIV /AIDS di Pulau Pinang hari ini. -- BERNAMA

IHD PR